



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my |   KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

FESTIVAL KRAF PANTAI TIMUR 2025

KUANTAN 22 MEI 2025- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) menganjurkan Festival Kraf Pantai Timur (FKPT) 2025 yang bermula pada 22 Mei hingga 3 Jun 2025 mulai jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam bertempat di Pusat Beli Belah East Coast Mall, Kuantan, Pahang.

FKPT 2025 bertujuan bagi menyediakan platform kepada usahawan kraf untuk mempromosi dan mengkomersialkan produk kraf Malaysia kepada masyarakat tempatan dan pelancong serta meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap produk kraf beridentitikan Malaysia.

Penganjuran FKPT 2025 berlangsung selama 13 hari ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti Jualan Produk Kraf, Interaktif Kraf, Pameran 'Ini Kraf Malaysia', Kempen Jom Masuk Institut Kraf Negara dan Institut Kemahiran Tenun Pahang Diraja dan aktiviti galakan pengunjung (Lawatan Berpandu Berkumpulan, Cabutan Bertuah, Pertandingan Meneka Berat Produk Tembikar Terenang, Pertandingan Meneka Jumlah Benang Kain Tenun Pahang Diraja, Pertandingan Mewarna Batik, Pertandingan Batu Seremban dan Pertandingan Permainan Congkak).

Selain itu, pengunjung berpeluang menyaksikan aktiviti Demonstrasi Kraf yang merupakan salah satu aktiviti perkongsian pengetahuan kepada pengunjung berkaitan seni kraf tempatan. Antara aktiviti demonstrasi kraf yang disediakan seperti demonstrasi ukiran kayu, mencanting batik, anyaman mengkuang, logam perak dan Tenun Pahang Diraja. Sebarang maklumat lanjut berkaitan program boleh menghubungi Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang di talian 09-538 4598. **-TAMAT-**